
**KEGANASAN RUMAH TANGGA: ISU DAN PENYELESAIAN DALAM KERANGKA
UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARIAH DI MALAYSIA**

***DOMESTIC VIOLENCE: ISSUES AND SOLUTIONS IN THE FRAMEWORK OF CIVIL AND
SHARIAH LAW IN MALAYSIA***

ⁱZakir Azim Mohd Halim, ⁱⁱUmami Maisarah, ^{iii*}Hendun Abd Rahman Shah & ^{iv}Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim

^{i, ii, iii}, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia

^{iv}Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Skudai,
Johor

*(Corresponding author) e-mail: hendun@usim.edu.my

ABSTRACT

Domestic violence is a very serious crime and needs to be dealt with immediately because the victims of this violence are not only affected physically but also mentally. This paper aims to examine the concepts, triggering factors and issues that need to be addressed that contribute to domestic violence as well as how the provisions in civil and sharia legislation can help in resolving these issues and subsequently serve as a guide for victims who want to seek protection and protection in domestic violence. This paper uses the method of literature research through literature highlights and legal studies. The findings of the paper show that overall, the Domestic Violence Act 1994 provides more specific and comprehensive protection than the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 in dealing with the issue of domestic violence in Malaysia. Lastly, after looking at the various factors, issues and solutions according to civil and sharia laws above, it is important for all levels of society to also play a role in addressing domestic violence.

Keywords: *Domestic Violence, Shariah law, Civil law*

ABSTRAK

Keganasan rumah tangga adalah satu jenayah yang sangat serius dan perlu ditangani dengan segera kerana mangsa-mangsa keganasan ini bukan sahaja terkesan pada aspek fizikal malah juga aspek mental. Kertas kerja ini bertujuan meninjau konsep, faktor-faktor pencetus dan isu-isu yang perlu ditangani yang menyumbang kepada keganasan dalam sesebuah rumah tangga serta bagaimana peruntukan-peruntukan yang ada dalam perundangan sivil dan syariah dapat membantu dalam menyelesaikan isu-isu tersebut dan seterusnya menjadi panduan kepada para mangsa yang ingin mendapatkan pembelaan dan perlindungan dalam keganasan rumah tangga. Kertas kerja ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan melalui sorotan literatur dan kajian perundangan. Dapatan kertas kerja menunjukkan secara keseluruhannya, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 menyediakan perlindungan yang lebih spesifik dan komprehensif berbanding Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dalam menangani isu keganasan rumahtangga di Malaysia. Akhir sekali, setelah melihat kepada pelbagai faktor, isu dan kaedah penyelesaian mengikut perundangan sivil dan syariah di atas, adalah penting bagi segenap lapisan masyarakat untuk turut memainkan peranan bagi menangani keganasan rumah tangga.

Kata kunci: *Keganasan Rumah Tangga, Isu, Undang-undang Syariah, Undang-undang Sivil*

Pengenalan

Pada 4 Mei 2021, dilaporkan seorang bernama Jahidah yang sedang mengandung, koma disebabkan kecederaan parah pada bahagian kepala, rahang, rusuk dan tulang belakang setelah dipukul oleh suaminya (Hasbi, 2021). Laporan yang menyedihkan ini hanya merupakan satu daripada beribu-ribu kes keganasan rumahtangga yang telah dilaporkan dan tidak dilaporkan. Keganasan rumah tangga tidak tertumpu kepada etnik atau jantina tertentu sahaja. Ia merupakan satu fenomena rentas sempadan agama, bangsa dan negara.

Berdasarkan statistik keganasan rumah tangga 2015, kaum Cina, India, Pribumi Sabah dan Sarawak sama-sama menyumbang kepada statistik keganasan rumah tangga di Malaysia. Begitu juga jika berdasarkan kepada faktor jantina, terdapat seramai 23 orang lelaki telah diberikan perlindungan sementara akibat keganasan rumah tangga (Johari, 2023). Ini menunjukkan bahawa golongan lelaki atau suami juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia melaporkan bahawa sebanyak 5,050 kes telah direkodkan sejak Januari hingga Ogos tahun 2023. Walaupun berdasarkan statistik pada tahun 2021 yang merekodkan sebanyak 9,334 kes dan tahun 2022 yang merekodkan sebanyak 8,580 kes telah menunjukkan pola penurunan namun ia masih lagi merekodkan jumlah kes keganasan rumah tangga yang tinggi (Hisham, 2023)

Daripada sudut perundangan, elemen kesalahan dan perlindungan yang terdapat dalam peruntukan undang-undang sivil termaktub antaranya di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Kanun Acara Jenayah 1976, Akta Perempuan Bersuami 1957 dan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 manakala elemen kesalahan dan perlindungan yang diperuntukkan dalam enakmen/akta Jenayah Syariah mengikut negeri pula lebih menjurus kepada keganasan berbentuk gangguan atau pengabaian terhadap hubungan dalam rumahtangga contohnya kesalahan memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang bernikah daripada hidup sebagai suami isteri serta menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan. Selain itu Akta Undang- Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) misalnya memperuntukkan dalam seksyen 127 bahawa seseorang yang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Keganasan Rumah Tangga dari sudut definisi

Pada awal perbincangan kali ini, kita perlu memahami konsep keganasan rumah tangga terlebih dahulu melalui pendefinisian dari pelbagai sudut perbincangan.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, keganasan merujuk kepada perihal ganas, kebuasan, kegarangan atau penggunaan kuasa secara sewenang-wenang tanpa menghiraukan undang-undang yang ada oleh seseorang dengan tujuan untuk menakut-nakutkan atau memaksa sesuatu kaum demi memperjuangkan ideologi atau kuasa politik masing-masing. Manakala rumah tangga diertikan sebagai perihal rumah dan kehidupan dalam rumah, rumah dengan keluarga yang mendiaminya iaitu berumah tangga (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Oleh itu, pengertian ini menunjukkan kepada perbuatan ganas terhadap seseorang dalam institusi rumah tangga terutamanya pasangan suami isteri itu sendiri tanpa dinyatakan secara khusus bentuk keganasan yang berlaku.

Selain itu, dalam *Oxford English Dictionary*, 'violence' ditakrifkan sebagai tingkah laku atau perlakuan secara fizikal yang bersifat kekerasan terhadap seseorang, harta benda, dan sebagainya termasuklah emosi. Manakala domestic merujuk kepada perkara yang berkaitan atau dihasilkan di dalam rumah atau dalam isi rumah. (Oxford English Dictionary, 1989) Justeru, pendefinisian dalam Bahasa Inggeris adalah lebih luas skopnya kerana telah dinyatakan bentuk-bentuk keganasan yang berlaku sama ada terhadap fizikal, emosi ataupun harta.

Dalam Portal Rasmi My Health, Kementerian Kesihatan Malaysia, keganasan rumahtangga bermaksud perlakuan keganasan terhadap pasangan atau bekas pasangan. Ia terdiri daripada fizikal dan gangguan seksual, keganasan pertuturan (maki hamun dan cacian), ugutan, gangguan/pengabaian emosi dan kewangan. Keganasan rumahtangga kebiasaannya berulang dan menjadi mangsa lebih teruk dan berterusan walaupun selepas penceraian. Ini adalah disebabkan pendera ingin terus berkuasa dan mahu mengawal mangsa. Kebanyakan pendera adalah gulungan lelaki dan mangsa adalah wanita atau kanak-kanak. (Ramly, 2012)

Menurut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, terdapat 8 tafsiran mengenai keganasan rumah tangga. (Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]) Tafsirannya ialah:

1. Sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
2. Mencederakan mangsa secara fizikal;
3. Memaksa atau mengancam melakukan perbuatan berbentuk seksual atau selainnya yang mana mangsa itu berhak tiada melakukannya;
4. Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa;
5. Khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa;
6. Menggelapkan harta mangsa hingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
7. Mengugut mangsa hingga menyebabkan mangsa takut keselamatan dirinya atau hartanya, pihak ketiga, atau mengalami kesedihan; atau
8. Berhubung dengan mangsa atau dengan pihak ketiga untuk mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa medium komunikasi.

Oleh itu, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 di Malaysia memberikan definisi yang lebih terperinci, merangkumi aspek-aspek seperti ancaman, kecederaan fizikal, keganasan seksual, penahanan, merosakkan harta, penggelapan harta, ugutan keselamatan, dan pencemaran nama baik melalui media komunikasi.

Natijahnya, kita dapat memahami konsep keganasan rumah tangga melalui pendefinisian dari berbagai sudut pandang. Keganasan merujuk kepada penggunaan kekuatan secara sewenang-wenang untuk tujuan menakut-nakutkan atau memaksa, terutamanya dalam konteks rumah tangga. Definisi ini juga mencakup aspek fizik, emosi, dan harta. Dengan itu, pemahaman mendalam tentang keganasan rumah tangga dari berbagai perspektif membantu kita mengenali, mencegah, dan menangani isu ini dengan lebih efektif.

Faktor Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumah tangga kebiasaannya melibatkan penderaan secara fizikal, psikologi dan seksual terhadap pasangan. Isu keganasan rumah tangga yang berlaku dalam kalangan masyarakat biasanya

dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada kejadian keganasan dalam rumah tangga ini sering melibatkan individu dan hubungan dalam keluarga.

Faktor Dalaman

Faktor dalaman yang utama ialah masalah kewangan. Ketidakstabilan ekonomi, kemiskinan, atau tekanan ekonomi boleh meningkatkan risiko berlakunya konflik sekali gus menyumbang kepada keganasan dalam rumah tangga. Hal ini demikian kerana beban komitmen untuk dibayar setiap bulan sehinggakan menghadapi kesukaran dalam menyediakan nafkah yang cukup untuk keluarga pada setiap bulan. Masalah ini sering berlaku apabila suami culas serta mengabaikan pemberian nafkah terhadap isteri dan anak-anak. Tanggungjawab menjelaskan nafkah adalah tanggungjawab seorang suami serta tanggungjawab bapa kepada anak-anak. Seperti mana firman Allah di dalam Surah An-Nisa ayat 34:

“Laki-laki (suami) itu pelindung bagi perempuan (isteri), kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (laki-laki) telah memberikan nafkah dan hartanya.” (Al-Quran, An-Nisa ayat 34)

Berdasarkan ayat di atas Allah menegaskan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak termasuklah makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Pengabaian terhadap perkara ini mampu mendorong kepada keganasan dalam rumah tangga. Oleh hal yang demikian suami mestilah memastikan mereka mereka bersikap bertanggungjawab dengan memberikan nafkah secara konsisten.

Selain itu, faktor kesihatan mental atau lebih dikenali sebagai tekanan hidup. Individu yang mengalami masalah kesihatan mental seperti gangguan kecemasan, depresi, atau gangguan keperibadian mungkin berisiko lebih tinggi untuk terlibat dalam keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga yang berlaku sejak kebelakangan ini iaitu sekitar tahun 2020 hingga 2021 iaitu ketika negara dilanda wabak virus Covid-19, kebanyakan kes yang berlaku berpunca daripada tekanan hidup antara pasangan suami isteri akibat daripada kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan untuk menyara isi rumah. Keberadaan ahli keluarga di rumah setiap hari juga boleh menyebabkan banyak salah faham, pertengkaran dan pergaduhan yang berlaku akibat daripada tekanan emosi yang kurang stabil kerana tidak dapat keluar dari rumah untuk menenangkan fikiran. Memetik daripada petikan akhbar Berita Harian bertarikh 23 September 2021, sebanyak 9,015 kes keganasan rumah tangga direkodkan dalam kalangan masyarakat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara bagi tempoh Mac 2020 hingga Ogos lalu (Arif, 2021). Jelaslah bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan mendalam terhadap ekonomi dan sosial lebih 32 juta rakyat di Malaysia dan mendorong kepada peningkatan aduan dan laporan keganasan rumahtangga yang diterima oleh pihak polis dan Talian Kasih yang berfungsi membantu wanita berdepan kes keganasan rumah tangga, penderaan dan mendapatkan perlindungan sementara.

Seterusnya, sikap pasangan yang tidak mengamalkan keharmonian dalam rumah tangga turut menjadi faktor dalaman berlakunya keganasan rumah tangga. Sikap pasangan sama ada suami atau isteri yang panas baran, tidak hormat-menghormati antara satu sama lain dan berkomunikasi dengan menggunakan perkataan yang kurang sopan atau negatif menyebabkan pasangan memiliki risiko lebih tinggi menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Peranan dalam memastikan dan membentuk keluarga harmoni adalah tanggungjawab suami dan isteri. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Rum, ayat 21

Maksudnya: “dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup bahagia dengannya dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang (Al-Mawaddah) dan belas kasihan (Al-Rahmah). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan (kesedaran) bagi orang yang berfikir.” (Al-Quran, Ar-Rum ayat 21)

Berdasarkan firman Allah ini, suami dan isteri mestilah bekerjasama dalam membentuk rumah tangga yang harmoni dengan cara mengamalkan kasih sayang dan kasih mengasihi, sentiasa bermusyawarah dalam menyelesaikan konflik atau salah faham dalam rumah tangga dan meningkatkan kepercayaan terhadap pasangan. Hal ini demikian kerana ketidakmampuan dalam mengatasi konflik antara pasangan

akan cenderung menggunakan kekerasan dan keganasan sebagai cara untuk menyatakan perasaan tidak puas hati dan menunjukkan protes terhadap pasangan.

Faktor Luaran

Faktor-faktor luaran yang terlibat dalam keganasan rumah tangga melibatkan elemen-elemen dari lingkungan yang lebih luas yang boleh mempengaruhi atau memburukkan situasi kekerasan tersebut. Terdapat beberapa faktor luaran yang kebiasaannya menjadi penyumbang kepada keganasan rumah tangga.

Faktor luaran berlakunya keganasan rumah tangga ialah pengaruh daripada orang luar atau pihak ketiga seperti ahli keluarga pasangan dan rakan-rakan. Hal ini demikian berlaku apabila individu itu sendiri cenderung untuk bercerita kepada orang luar tentang perselisihan yang berlaku dalam rumah tangga atau perkahwinan. Sememangnya tujuan utama adalah mendapatkan khidmat nasihat atau pendapat daripada pihak lain, akan tetapi perkara itu berlaku sebaliknya akibat daripada campur tangan pihak luar. Perkara ini akan menyebabkan suami atau isteri itu memberi laluan dan peluang kepada pihak luar untuk menyelesaikan konflik rumah tangga kerana ianya seolah-oleh membuka aib rumah tangga. Di dalam sebuah hadis sahih Riwayat Ahmad daripada Abu Qatadah bahawa Nabi SAW bersabda:

“Orang yang membuka aib pasangannya, Allah akan mengikatnya dengan ular besar pada hari kiamat nanti” (Ahmad, 2001)

Hadis ini merupakan larangan berserta ancaman daripada Allah di akhirat kelak kepada suami atau isteri yang membuka aib pasangannya. Malah, hal ini sekali gus membuka ruang kepada pihak luar untuk memberikan solusi yang positif atau negatif dalam menyelesaikan konflik rumah tangga yang dihadapi. Sekiranya solusi yang diberikan adalah negatif, maka kecenderungan berlakunya keganasan rumah tangga adalah tinggi. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan isu ini berlaku suami atau isteri sepatutnya membuat aduan kepada pihak yang berbidang kuasa atau mempunyai autoriti untuk memberikan solusi seperti kaunselor yang bertauliah.

Tambahan pula, kekurangan promosi berkaitan perkhidmatan perlindungan terhadap orang yang pernah menghadapi trauma dalam rumah tangga merupakan salah satu faktor luaran berlakunya keganasan rumah tangga. Trauma dalam rumah tangga bermaksud individu tersebut pernah diugut atau pernah menghadapi situasi yang hampir kepada kes keganasan rumah tangga oleh pasangan mereka namun, mereka hanya mendiamkan diri akibat perkara tersebut menjadikan mereka takut dan tidak tahu untuk diceritakan kepada siapa. Di Malaysia, sebenarnya ada disediakan suatu perkhidmatan perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat dan peranannya dijalankan oleh beberapa agensi atau jabatan kerajaan yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan pelbagai agensi kerajaan yang lain (Kementerian Pembangunan Wanita, 2003). Oleh hal yang demikian, pihak yang berkaitan sewajarnya memperbanyakkan pelbagai bentuk promosi melalui media massa, media cetak dan media elektronik agar setiap informasi dan perkhidmatan yang ditawarkan boleh dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat khususnya yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga agar mereka tidak terus hidup dalam suasana rumah tangga yang negatif dan dalam institusi keluarga yang tidak harmoni.

Tuntasnya, dapatlah dilihat bahawa pelbagai faktor dalaman dan faktor luaran menyebabkan peningkatan berlakunya risiko keganasan dalam rumah tangga. Semua pihak yang bertanggungjawab seharusnya membantu setiap pasangan yang berumah tangga untuk mencegah berlakunya keganasan rumah tangga sekali gus mengatasi peningkatan keganasan rumah tangga di Malaysia.

Isu-Isu Dalam Keganasan Rumah Tangga.

Keganasan dalam rumahtangga adalah satu perkara yang dipandang serius dalam Islam, tindakan menggunakan kekerasan terhadap pasangan sama ada secara fizikal atau emosi adalah ditegah sama sekali di dalam agama (Nuruaslizawati Ayob, 2022) Islam menggalakkan kesetiaan, kasih sayang, dan keterbukaan dalam hubungan perkahwinan. Nabi Muhammad SAW juga menekankan perlunya bersikap lemah lembut dan penuh kasih sayang terhadap pasangan (Nuruaslizawati Ayob, 2022).

Baginda merupakan contoh teladan dalam memperlakukan istri-istri Baginda dengan penuh kasih sayang dan kelembutan. Hadis sahih daripada Saidatina ‘Aisyah r.a., dalam Riwayat Tirmizi, Nabi Muhammad SAW bersabda:

“Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik terhadap pasangannya. Dan aku adalah orang yang paling baik terhadap pasanganku.”

Dewasa ini kes yang dilaporkan oleh PDRM adalah terlalu banyak ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan, hal ini memberi gambaran yang serius tentang isu ini di Malaysia (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Peningkatan jumlah aduan kes keganasan rumah tangga melalui saluran seperti talian kasih juga turut meningkat dari 2,248 sebelum PKP dilaksanakan kepada 3,028 pada tahun 2021 (Nuruaslizawati Ayob S. H., 2023).

Statistik yang dikemukakan oleh WHO mengenai keganasan terhadap wanita adalah sangat mengkhawatirkan. Kegagalan menangani keganasan dalam rumah tangga bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terlibat tetapi juga kepada keseluruhan kualiti hidup masyarakat (Nuruaslizawati Ayob, 2022)

Di Malaysia, keganasan rumah tangga merupakan satu perbuatan jenayah yang termaktub di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Akta ini memberikan definisi yang jelas tentang keganasan rumah tangga serta menetapkan langkah- langkah perlindungan bagi mangsa keganasan (Nuruaslizawati Ayob S. H., 2023).

Masyarakat kita terkadang ada yang terperangkap di dalam rumahtangga yang bersifat submissive, terlalu mengagungkan pasangan sehingga tidak menyedari bahawa diri senang dianiaya. Persepsi seperti ini biasanya terhasil dari kekurangan pendidikan, budaya yang keliru, dan kurangnya kesedaran tentang hak asasi manusia, kesetaraan gender, serta undang-undang yang melindungi wanita dari keganasan rumah tangga (Nuruaslizawati Ayob, 2022).

Keganasan Fizikal

Keganasan fizikal atau disebut sebagai physical abuse di dalam Bahasa Inggeris juga sangat tidak asing di dalam konteks keganasan domestik. Ia termasuk di dalam bentuk keganasan yang mencakup berbagai tindakan yang sengaja untuk menyakiti atau menakuti pasangan yang dilakukan secara fizikal. Ia boleh termasuk serangan seperti mencekik, menampar, cubitan, menarik rambut, menendang, atau menggunakan alat atau senjata yang boleh menyebabkan kecederaan serius atau bahkan kematian.

Keganasan fizikal ini bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada mangsa tetapi juga boleh meninggalkan kesan emosi yang mendalam. Ia sering kali meninggalkan bukti atau kesan luaran yang boleh dilihat atau dikesan oleh orang lain, menjadikannya salah satu bentuk keganasan yang lebih sulit untuk disembunyikan (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Menurut Healthdirect Australia, keganasan fizikal juga termasuk apa bila pasangan seseorang itu menghalangnya daripada makan dan merosakkan sebarang harta benda.

Keganasan Emosi

Perkara yang melibatkan Emosi sering diambil tidak endah kerana ia adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat secara zahir melainkan dengan luahan perasaan. Keganasan emosi juga tidak terlihat secara fizikal namun tidak syak lagi bahawa ia memberi kesan yang sangat besar kepada mangsa. Ia merangkumi tindakan seperti penghinaan, mengawal, membataskan kebebasan, mengabaikan, dan menggunakan kata-kata atau tindakan yang merendahkan martabat seseorang. Mangsa yang terlibat dalam keganasan emosi juga sering dimanipulasi sehinggakan boleh menjejaskan kualiti kehidupannya, lebih-lebih lagi apabila mangsa tidak dapat membuat keputusan untuk dirinya sendiri (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Hal Ini termasuk pemikiran negatif tentang diri sendiri, hubungan dengan pasangan, serta kesan kepada hubungan dengan anak-anak dan rasa terasing dari keluarga dan rakan. Kekangan ini dapat menyebabkan perubahan dalam dinamika keluarga (Sukriah Ismail, 2021). Rumah yang sepatutnya menjadi tempat yang nyaman dan aman, dalam keadaan yang mengakibatkan tekanan dan kegelisahan yang berlebihan, ia boleh berubah menjadi tempat yang penuh dengan konflik dan kekecewaan.

Hal ini sering berpunca daripada pasangan yang mempunyai masalah mental seperti penyakit ‘narsisistik’. Gambaran individu yang mempunyai rasa percaya diri yang tinggi. Mereka berasa orang lain tidak setanding dengan mereka dan mereka tidak perlu mendengar pandangan orang lain. Malah mereka berpendapat mereka sahaja yang betul dan orang lain semua salah. Individu sebegini bukanlah semata-mata sombong atau egois, tetapi mereka ialah narcissist. Jenis manusia sebegini tidak asing dalam kalangan pasangan di Malaysia, cuma hanya sedikit daripada masyarakat yang menyedari siapakah sebenarnya yang berwajah narsisistik. Golongan berpenyakit ini akan sentiasa bermegah dengan dirinya, leka dengan visi, matlamat yang tidak masuk akal sama ada dengan dirinya sendiri atau meletakkan fantasi kecemerlangan yang diletakkan sebagai piawai yang mesti dicapai oleh ahli keluarga yang lain. Orang yang mempunyai kriteria ini akan sentiasa mahu mengaut semua perhatian yang ada di sekelilingnya dan tidak mempunyai sifat empati terhadap orang lain. Maka, dalam konteks perbincangan kali ini pasangan ialah orang yang paling terkesan dengan perkara ini (Sukriah Ismail, 2021).

Penting untuk memahami bahawa dalam keadaan seperti ini, sokongan emosi dan bantuan dari luar sangat penting. Mendapatkan bantuan daripada pakar kesihatan mental, kaunselor, atau sumber sokongan lainnya boleh membantu individu dan keluarga menguruskan tekanan dan emosi mereka dengan lebih baik.

Keganasan Seksual

Keganasan seksual dalam rumah tangga adalah satu realiti yang tidak selalu disuarakan atau dilaporkan secara terbuka. Ia boleh berlaku secara berulang dan sering kali tidak didedahkan kerana pelbagai faktor, termasuk rasa malu, tekanan, ketakutan, atau perasaan tidak selamat. Tindakan keganasan seksual dalam rumah tangga boleh disifatkan kepada pelbagai bentuk, termasuk pemaksaan hubungan intim, sentuhan hubungan suami isteri yang tidak diingini sehingga menyebabkan kecederaan kepada pasangan, atau tindakan seksual yang dilakukan dalam luar tabi’ie atau keadaan di mana seseorang tidak dapat memberikan persetujuan yang sah (Nuruaslizawati Ayob, 2022).

Pada awalnya tiada istilah rogol dalam perkahwinan. Namun, seiring dengan peningkatan kesedaran akan hak individu, terutamanya hak wanita dalam perkahwinan, undang-undang telah dikemaskini dan diperhalusi untuk merangkumi isu keganasan seksual dalam perkahwinan. Penambahan Seksyen 375 dalam Kanun Keseksaan telah memberikan definisi yang lebih jelas dan komprehensif tentang tindakan rogol, termasuk dalam konteks perkahwinan (Nuruaslizawati Ayob, 2022).

Hadis masyhur yang diriwayatkan oleh Zayd Ibn Arqam bermaksud:

“Seorang wanita tidak akan (sempurna) menunaikan hak Tuhannya sehinggalah dia menyempurnakan hak suaminya, dan sekiranya dia (suami) memintanya (untuk bersetubuh) di atas Qatbi (pelana di atas unta) dia (isteri) (seharusnya) tidak menolak.”

Hadis ini sering kali diinterpretasikan dengan berbagai cara. Dalam konteksnya, ia menekankan pentingnya keseimbangan hak dan tanggungjawab antara suami dan isteri dalam perkahwinan. Ia juga menyuarakan pentingnya memahami keperluan dan kesediaan pasangan masing-masing dalam konteks hubungan intim (Sukriah Ismail, 2021).

Keganasan Ekonomi

Penderaan ekonomi dalam konteks rumah tangga atau hubungan adalah satu bentuk keganasan yang mungkin kurang diperbincangkan atau dilaporkan berbanding penderaan fizikal. Ini kerana penderaan ekonomi sering kali tidak meninggalkan kesan fizikal yang ketara, tetapi boleh mempunyai impak yang serius pada mangsa (Abdul Razak Abd Manaf, 2023).

Keganasan ekonomi sering kali melibatkan situasi di mana pasangan lelaki mengawal atau menghalang wanita dari mencapai kebebasan kewangan, termasuk daripada mendapatkan pekerjaan atau bergiat aktif dalam aktiviti yang dapat meningkatkan peluang kerja (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Menurut kajian, hal ini adalah bertujuan untuk memastikan pasangan atau sering dikaitkan dengan wanita, agar bergantung sepenuhnya terhadap sang suami. Keganasan ekonomi ini juga berpunca daripada sikap

cemburu yang tidak bertempat, hal ini adalah bagi memastikan hubungan sosial isterinya terkawal ketat (Nuruaslizawati Ayob, 2022).

Situasi ini juga termasuk memaksa pasangan untuk menandatangani kontrak- kontrak kewangan atau memanipulasi dokumen kewangan untuk kepentingan mereka sendiri. Contohnya, menggunakan nama pasangan sebagai penjamin hutang atau menandatangani kontrak-kontrak tanpa persetujuan mereka adalah satu bentuk keganasan ekonomi. Hal ini menyebabkan tekanan yang besar kepada pasangan, terutama apabila mereka dipaksa mengganggu hutang atau tanggungjawab kewangan yang sebenarnya bukan berasal daripadanya (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Hal ini juga antara penyebab terbesar mengapa mangsa sukar untuk memulakan hidup baharu dengan melalui proses perceraian dan sebagainya, kerana mereka tidak mempunyai kebebasan dalam ekonomi (Abdul Razak Abd Manaf, 2023).

Persepsi dan stigma yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga telah menjadi satu halangan besar dalam usaha untuk mengatasinya. Mangsa mungkin merasa malu untuk menyuarakan tentang hal-hal yang tidak indah di dalam perkahwinannya, takut akan cemuhan, atau juga tidak mahu membebankan anak-anak. Pada akhirnya, mangsa juga yang tersepit dalam situasi yang merosakkan (Nuruaslizawati Ayob, 2022). Kesedaran tentang keganasan rumah tangga, pengetahuan tentang sumber- sumber bantuan, dan pendidikan tentang hak-hak asasi manusia serta peranan masyarakat dalam memberikan sokongan adalah penting untuk mengatasi stigma ini.

Penyelesaian Keganasan Rumah Tangga Dari Sudut Undang-Undang.

Dari perspektif Undang-Undang Sivil: Kanun Keseksaan Dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

Secara amnya, perundangan melibatkan keganasan rumahtangga antara suami isteri adalah sama iaitu Kanun Keseksaan dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994, pindaan 2012 dan pindaan 2017. Kanun Keseksaan sebagai mekanisme untuk menghukum pesalah keganasan rumah tangga.

Justeru itu, peruntukan khas untuk kesalahan terhadap pasangan suami isteri yang sah dapat dilihat dalam Seksyen 352A Kanun Keseksaan, telah menyatakan bahawa jika seorang menyebabkan kekerasan jenayah kepada pasangan maka boleh dihukum dengan pemenjaraan dengan pemenjaraan 6 bulan atau dengan yang boleh sampai RM 2000 atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, perundangan juga memelihara kanak-kanak yang belum lahir iaitu yang masih berada dalam kandungan seseorang perempuan. Jika suami memperlakukan isteri yang mengandung dengan kasar sehingga menyebabkan keguguran, hakim berhak menjatuhkan hukuman di bawah seksyen 313 Kanun Keseksaan iaitu pemenjaraan yang boleh sampai 20 tahun dan denda tidak kira kandungan sudah cukup sifat atau tidak. Selain itu, jika suami menyebabkan kematian isteri yang mengandung dengan niat untuk menyebabkan keguguran boleh dihukum pemenjaraan selama tempoh 10 tahun dan denda selaras dengan seksyen 314 Kanun Keseksaan. Namun, jika perbuatan tersebut berlaku tanpa kerelaan isteri maka pelaku boleh dikenakan hukuman pemenjaraan selama 20 tahun.

Kemudian, bagi tujuan menjaga kemaslahatan mangsa kepada keganasan rumah tangga ini, kertas kerja ini merujuk kepada Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Menurut Akta 521, terdapat 3 perlindungan yang boleh diperoleh iaitu *Interim Protection Order*, *Protection Order* atau *Emergency Protection Order*. Bagi Perintah perlindungan Interim, Menurut Seksyen 4 Akta Keganasan Rumahtangga 1994, mahkamah boleh untuk mengeluarkan perintah perlindungan ini sementara menunggu penyiasatan dibuat berhubung kesalahan keganasan rumahtangga. Tambahan pula, perintah ini akan tamat setelah tamat penyiasatan atau apabila prosiding jenayah dimulakan terhadap orang yang perintah itu dikeluarkan (Akta Keganasan Rumahtangga Pindaan 2012).

Bagi memastikan keselamatan mangsa, mahkamah boleh mengeluarkan perintah perlindungan bersama satu atau lebih daripada perintah di bawah (Seksyen 6 Akta Keganasan Rumahtangga 1994):

- a) Hak penghunian eksklusif.
- b) Menghalang pelaku memasuki tempat kediaman atau kediaman alternatif atau tempat kerja atau institusi.

- c) Kebenaran orang yang dilindungi untuk masuk kediaman bagi mengambil barang ditemani pegawai kebajikan masyarakat.
- d) Larangan berhubung secara atas talian mahupun surat-menyurat dengan mangsa.
- e) Kebenaran menggunakan kenderaan.
- f) Apa-apa arahan lain yang wajar dikeluarkan.

Perintah perlindungan kecemasan (Akta Keganasan Rumahtangga Pindaan 2017) boleh dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat tanpa limitasi waktu atau sekiranya perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau masih belum selesai. Permohonan bagi perintah perlindungan kecemasan ini boleh dimohon secara *ex-parte* oleh mangsa atau peguam mangsa atau penjaga atau saudara mara bagi orang tidak berkeupayaan seperti kanak-kanak atau warga emas. Perintah ini adalah sah selama tempoh 7 hari dari tarikh pengeluaran. Pegawai kebajikan boleh mengeluarkan lebih daripada 1 perintah berikut:

- a) Menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif “keganasan rumah tangga” di bawah seksyen 2 terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana- mana yang berkenaan;
- b) Melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif “keganasan rumah tangga” di bawah seksyen 2 terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- c) Melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mana-mana orang dilindungi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelanggaran kepada perintah perlindungan, interim mahupun kecemasan akan disabitkan dengan denda tidak melebihi RM 2000 atau pemenjaraan dengan tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya (Seksyen 8 (1) Akta Keganasan Rumahtangga 1994) manakala pelaku yang sengaja melanggar perintah dengan berkelakuan ganas terhadap mangsa akan dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi 1 tahun atau denda tidak melebihi RM 4000 atau kedua-duanya sekali (Seksyen 8 (2) Akta Keganasan Rumahtangga 1994). Jika pelaku disabitkan telah membuat pelanggaran kali kedua, maka pelaku berpotensi untuk dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh puluh dua jam dan tidak lebih daripada dua tahun, dan boleh juga didenda tidak melebihi lima ribu ringgit (Seksyen 8 (3) Akta Keganasan Rumahtangga 1994).

Dari Perspektif Undang-Undang Syariah: Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003

Bagi mangsa penganiayaan yang beragama Islam, mereka boleh bertindak dengan menggunakan peruntukan yang ada dalam undang-undang keluarga Islam. Bagi tujuan tugas ini, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 digunakan. Berdasarkan Akta tersebut, seseorang isteri boleh memohon untuk membubarkan perkahwinannya melalui dua cara. Pertama, seorang isteri berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh. Di antara faktor-faktor yang membolehkan seseorang isteri berbuat demikian ialah apabila suaminya menganiayainya, iaitu (Seksyen 52 (h) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984):

- i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau
- ii) Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak; atau
- iii) Mencuba memaksa isteri hidup secara lucuh; atau

- iv) Melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak- haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu; atau
- v) Menghalang isteri dari menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya; atau
- vi) Jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum Syarak.

Dalam satu kes *Hairun lawan Omar [1991] 8 JH 289*, Mahkamah Rendah Syariah mendapati bahawa defendan telah menyerang plaintif yang mengakibatkan kecederaan parah. Meskipun begitu, oleh kerana serangan itu tidak kerap dan mengikut undang-undang Islam, suami harus memukul isteri dengan niat nasihat, Mahkamah telah menolak permohonan plaintif memohon pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Bagaimanapun, dalam rayuan plaintif di Mahkamah Rayuan Syariah, pihak Mahkamah mendapati perbuatan menyerang isteri walaupun tidak kerap sudah cukup membuktikan terdapat penganiayaan terhadap isteri. Justeru itu, Mahkamah Rayuan Syariah membenarkan permohonan plaintif untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh mengikut peruntukan seksyen 53(1)(h) bersama seksyen 53(1)(I) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003.

Kedua, seseorang isteri yang dianiayai boleh juga memohon pembubaran perkahwinan melalui cerai *ta'liq* (Seksyen 50 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984) , memperuntukkan "Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat- syarat surat perakuan *ta'liq* yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku". Apabila menerima permohonan dari pihak isteri untuk membubarkan sesuatu perkahwinan melalui cerai *ta'liq*, mahkamah hendaklah menyiasat terhadap dakwaan yang dikemukakan oleh pihak isteri adalah benar dan mengikut *Hukum Syarak* maka pihak mahkamah akan membubarkan perkahwinan itu walaupun tanpa kehadiran pihak suami (Seksyen 50 (2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984). Permohonan perceraian dari jenis ini dapat dilihat dalam kes *Dah lawan Abdullah [1970] 3 JH 120* di mana pihak isteri telah mengadu kepada mahkamah bahawa suaminya telah menyerangnya. Perbuatan suaminya itu telah menyebabkan tangannya luka dan beliau terpaksa mendapat rawatan di hospital. Di samping itu juga pihak isteri telah membuat laporan polis terhadap kejadian tersebut. Pihak defendan menafikan dakwaan isteri tetapi gagal menjawab apabila disoal balas oleh pihak plaintif. Akhirnya Mahkamah membenarkan permohonan plaintif dengan talak satu. Seterusnya, dalam kes yang lain *Hasnah lawan Saad ([1975] 3 JH 84)* , pihak isteri telah memohon cerai *ta'liq* atas alasan bahawa suaminya telah mencederakan mukanya. Pihak plaintif juga telah mengemukakan surat rawatan yang menyokong dakwaan beliau. Tetapi pihak defendan menafikan dakwaan isteri. Mengikut defendan, luka yang terdapat di muka sehingga ke sebelah telinga kanannya merupakan perbuatannya sendiri. Walau bagaimanapun setelah Mahkamah berpuas hati bahawa dakwaan pihak isteri adalah benar, Mahkamah memihak kepada pihak plaintif dan membenarkan permohonan isteri untuk bercerai melalui *ta'liq*.

Dalam memberi perlindungan kepada isteri yang beragama Islam, Seksyen 107(1) dan (2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 sebagai contohnya memperuntukkan bahawa "Mahkamah adalah berkuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri yang masih belum selesai atau pada atau selepas pemberian sesuatu perintah perceraian, fasakh atau pembatalan memerintahkan seseorang menahan dirinya dari mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya. Kemungkiran mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di atas seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah (Seksyen 107 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984). Kalau dilihat kepada peruntukan yang diberikan, dengan jelas mangsa keganasan rumah tangga yang beragama Islam boleh memohon kepada mahkamah perintah tegahan atau injuksi terhadap pasangan mereka sementara menanti keputusan kes induk perceraian seperti mana yang diterangkan sebelum ini bagi menjaga masalah dan menolak kemudaratan ke atas pihak-pihak itu sendiri.

Cadangan dan Kesimpulan

Setelah melihat kepada pelbagai faktor, isu dan kaedah penyelesaian mengikut perundangan sivil dan syariah di atas, adalah penting bagi segenap lapisan masyarakat untuk turut memainkan peranan bagi

menangani keganasan rumah tangga. Ungkapan mencegah lebih baik daripada mengubati seharusnya juga diguna pakai dalam usaha untuk menangani keganasan rumah tangga. Usaha yang dilakukan bukan hanya 'mengubati' dengan pemerksaan dan pemantapan daripada aspek penguatkuasaan undang-undang sivil dan syariah tetapi juga 'mencegah' yang berupa pendidikan berterusan dan pemupukan kesedaran kepada masyarakat yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Ianya perlu bermula di rumah, di sekolah dan di peringkat institusi pengajian tinggi. Pendidikan dan kesedaran ini boleh dijalankan melalui hebahan di media-media sosial, di jabatan-jabatan kerajaan terutama yang kerap dikunjungi oleh rakyat pelbagai lapisan untuk membuat urusan dan juga di gedung-gedung dan premis-premis perniagaan. Dengan pengemblengan dari sudut pemerksaan undang-undang sedia ada dan pencegahan melalui pendidikan, kesedaran sosial dan celik undang-undang, kami percaya statistik keganasan rumah tangga akan dapat diturunkan dengan drastik dan seterusnya menjadikan kehidupan berkeluarga dan rumahtangga sebagai satu tempat atau keadaan yang penuh sakinah, mawaddah dan rahmah.

Rujukan

- Abdul Razak Abd Manaf, S. Z. (2023). Penderaan ekonomi mangsa keganasan rumah tangga: Perspektif pengamal. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Vol. 26.
- Ahmad, M. (2001). Muassasah al-Risalah No 22557. Hadis Riwayat Ahmad bin Hanbal.
- Akta Keganasan Rumahtangga Pindaan 2012. Akta Keganasan Rumahtangga Pindaan 2017.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. (t.t).
- Al-Quran. (t.t). An-Nisa ayat 34.
- Al-Quran. (t.t). Ar-Rum ayat 21.
- Arif, L. (2021). Parlimen: 9,015 kes keganasan rumah tangga sepanjang PKP.
- Hasbi, A. (2021, Disember 1). Berita Harian. Didapatkan dari <http://api.bharian.com.my>
- Hisham, H. (2023, November 25). Kosmo Digital. Didapatkan dari Kosmo Digital: <http://www.kosmo.com.my>
- Johari, S. (2023, April 3). Astroawani.com. Didapatkan dari Astroawani.com: <http://www.astroawani.com>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. d. (2003). Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga . Didapatkan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat: <https://shorturl.at/DLOW8>
- Kuala Lumpur: Berita Harian.
- Nuruaslizawati Ayob, S. H. (2022). "Pekerjaan Dan Keganasan Rumah Tangga: Satu Kajian Kuantitatif Terhadap Pasangan Yang Berkahwin Di Malaysia". *Asian People Journal*. Vol. 5(1).
- Nuruaslizawati Ayob, S. H. (2023). Perbezaan di antara Pendapatan Isi Rumah dan Fenomena Keganasan Rumah Tangga di Negeri Terengganu dan Kelantan. *Journal of Administrative Science*. Vol. 20.
- Oxford English Dictionary. (1989). Oxford University Press.
- Ramly, D. R. (2012). Keganasan Rumah Tangga. Didapatkan dari Portal Rasmi My Health, Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.myhealth.gov.my/keganasan-rumahtangga/>
- Seksyen 107 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 50 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 50 (2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 52 (h) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Seksyen 6 Akta Keganasan Rumahtangga 1994.
- Seksyen 8 (1) Akta Keganasan Rumahtangga 1994.
- Seksyen 8 (2) Akta Keganasan Rumahtangga 1994.
- Seksyen 8 (3) Akta Keganasan Rumahtangga 1994.
- Sukriah Ismail, N. S. (2021). "Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisisme dan Gaslighting dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19". *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 24. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 24.
- Umar, A. M. (t.t). Kitab Mu'jam Al-Lughatul Al-'Arabiyah Al-Mu'asirah. Umar, A. M. (t.t). Kitab Mu'jam Al-Lughatul Al-'Arabiyah Al-Mu'asirah.